

P R O S I D I N G
SIMPOSIUM
TAMADUN
ISLAM
ABAD PERTENGAHAN II

**POLITIK, EKONOMI, SOSIAL
DAN INTELEKTUAL ERA ANDALUSI**

17 MAC 2007 / 27 SAFAR 1428H (SABTU)

BILIK SENAT, BANGUNAN CANSELORI, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI

disusun dan diselenggarakan oleh
EZAD AZRAAI JAMSARI & ZAMRI ARIFIN

KELAB MAHASISWA JABATAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM (NAHDAH), UKM
JABATAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UKM
JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA), KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA
WORLD ISLAMIC CALL SOCIETY KUALA LUMPUR

Pencapaian Muluk al-Tawa'if Dalam Aspek Politik dan Tamadun Di Andalus: Satu Analisa

LAYTH SU'UD JASIM, EEMAN MUHAMMAD 'ABBAS & SUHAILA ZAILANI

Kerajaan Andalus telah melalui beberapa peringkat,¹ bermula dengan era *Imarah* yang dibangunkan oleh 'Abd al-Rahman al-Dakhil (180-300H). Kemudian bermula peringkat kedua, iaitu era *Khilafah* yang diketuai oleh 'Abd al-Rahman al-Nasir yang bertahan selama 50 tahun (300-350H) dan diwarisi puteranya, al-Hakam al-Mustansir (350-366H), yang telah melengkapkan pemerintahan Islam di Andalus. Peringkat ketiga merupakan peringkat kelemahan politik yang membawa kepada perpecahan pemerintahan. Terpancar bibit kelemahan kerajaan pada era pemerintahan Hisham b. al-Hakam yang masih kanak-kanak ketika itu. Pemerintahan dijalankan oleh pembantunya al-Mansur b. Abi 'Amir. Situasi ini berterusan hingga awal kurun kel-5H. Kerajaan mengalami kegawatan dengan beberapa pemberontakan yang berusaha untuk merampas kekuasaan Banu Umayyah hingga orang ramai mengharapkan kejatuhan *Khilafah* Umayyiyah ini.² Sementara itu, *Qadi* Abu al-Hazm Muhammad b. Jahwar dilantik mengetuai urusan pemerintahan di Cordova. Ketika tersebar berita tersebut di Andalus, semua Gabenor di Andalus telah melakukan pemberontakan dan mengasaskan *duwaylat* (kerajaan-kerajaan kecil). Andalus menjadi seperti bangunan tinggi yang runtuh asasnya dan retak pecah struktur bangunannya. Pada tahun 399H, beberapa *duwaylat* telah membebaskan diri hingga bilangannya mencecah 26 buah.

Pecahan Kerajaan Muluk al-Tawa'if³

Duwaylat boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan utama dan terbahagi pula kepada beberapa pecahan. Berikut diperincikan beberapa *duwaylat* terkenal di Andalus:

Andalusiyyun

Mereka ialah keluarga yang menetap di Andalus sejak ia dibuka oleh Islam. Hubungan keluarga terjalin di kalangan orang Islam tanpa melihat perbezaan keturunan. Mereka dipanggil sebagai *ahl al-Jama'ah* dan kelompok yang dikategorikan tergolong dalam kumpulan ini ialah:

1. *Banu 'Abbad*. Mereka berasal dari Kabilah Lakhm yang memerintah di Seville (+14-484H/1023-1091M). Mereka dinasabkan kepada *Qadi* Cordova, Isma'il b. 'Abbad al-Lakhmi (m.414H). Pada tahun 484H, Seville menjadi wilayah pemerintahan al-Murabitun. Pengasas ini memerintah Seville secara berasingan pada tahun 414H dan ia diputuskan oleh majlis yang terdiri daripada tiga orang. Beliau kemudiannya dipilih menjadi pemerintah dan pilihan ini dipersetujui rakyat. Setelah kematiannya, putera beliau, Abu 'Amr 'Abbad, dilantik sebagai pengganti dengan gelaran al-Mu'tadid. Beliau pula meninggal dunia pada tahun 461H, dan anaknya yang bernama Abu al-Qasim Muhammad b. 'Abbad dilantik sebagai pengganti dengan gelaran al-Mu'tamid (m.488H). Antara peranan yang dimainkan oleh al-Mu'tamid ialah cuba memulihkan hubungan antara pemerintah Andalus; mengajak al-Murabitin untuk menyokong penduduk Andalus supaya menentang pihak Kristian Castile. Satu pertempuran yang dikenali sebagai pertempuran al-Zallaqah telah meletus dan orang Castile berjaya ditewaskan dengan teruk. Al-Mu'tamid meninggal dunia di Maghribi setelah menyerahkan pemerintahan kepada kuasa al-Murabitin pada tahun 484H. Sebahagian besar kerajaan Muluk al-Tawa'if telah tunduk di bawah pemerintahan al-Mu'tamid. Gerakan keilmuan, kesusasteraan, perindustrian dan pertanian telah meningkat maju pada era pemerintahan Banu 'Abbad.
2. *Banu Jahwar*. Keluarga ini memerintah Cordova (421-462H/1030-1069M) dan pengasasnya ialah *Qadi* Abu al-Hazm b. Jahwar b. Muhammad b. Jahwar (m.435H), yang berketurunan hamba. Beliau telah menubuhkan satu badan untuk pentadbiran setelah kejatuhan *Khilafah* Umawiyah pada tahun 400H.⁴ Beliau mempunyai kemampuan yang tinggi dalam menjalankan pentadbiran tetapi melakukan kesalahan menjatuhkan *Khilafah* sebagai sebuah institusi politik. Banu Jahwar tidak mampu menyatukan penduduk Andalus dalam satu pemerintahan dan terpaksa mengasingkan diri mereka di Cordova sahaja (421H). Akhirnya pada tahun 462H, mereka telah bersatu dengan Banu 'Abbad di Seville dan membentuk sebuah pemerintahan yang satu.

3. *Banu Bakr*. Berkuasa di (Huelva) dan Saltex (402-443H/1012-1052M). Pengasasnya ialah 'Abd al-'Aziz al-Bakri berketurunan kabilah Bakr b. Wa'il. Pada tahun 443H, keluarga ini bergabung kuasa dengan pemerintah Seville.
4. *Banu Yahya*. Berkuasa Nievla (414- 444H/1023-1053M). Pengasasnya ialah Ahmad b. Yahya al-Yahsubi dari kabilah Arab, Yahsub. Pada tahun 444H, kuasa ini telah bersatu dengan pemerintah Seville.
5. *Banu Mazin*. Berkuasa di Silves (438-454H/1046-1062M). Pengasasnya ialah *Qadi* 'Isa b. Abi Bakr b. Mazin. Pada tahun 454H, ia telah bersatu dengan pemerintah Seville.
6. *Banu Tujib*. Berkuasa di Saragossa (407-429H/1017-1037M). Pengasasnya ialah al-Mundhir b. Yahya al-Tujibi (m.403H) dari kabilah Arab, Tujib. Pada tahun 429H, Banu Hud telah menguasai kerajaan Banu Tujib.
7. *Banu Hud*. Berkuasa juga di Saragossa (429-503H/1037-1111M). Pengasasnya ialah Sulayman b. Muhammad b. Hud al-Judhami (m.438H). Pemerintahan Banu Hud dinisbahkan kepada kabilah Hud al-Judhami. Sebelum Sulayman meninggal dunia, beliau telah membahagikan kerajaan kepada lima *duwaylat* di kalangan putera-puteranya, namun mereka sering meminta pertolongan daripada orang Kristian. Pemerintahan Banu Hud telah diserahkan kepada al-Muqtadir Abu Ja'far Ahmad b. Sulayman (m.474H). Antara peristiwa penting yang berlaku pada zaman al-Muqtadir ialah pembunuhan Barbastro (456H) yang telah mengorbankan ribuan orang Islam, daripada kalangan ulama dan orang awam. Semua ini berpunca daripada sikap ketua Muluk al-Tawa'if yang menyeleweng daripada ajaran Islam, di samping berpecah-belah dan bermusuhan sesama sendiri. Mereka tidak membantu golongan Barbastro yang meminta bantuan mereka. Para ulama mengajak umat Islam berjihad dan ramai pejuang dari serata Andalus keluar menyahut seruan tersebut. Al-Muqtadir terpaksa bertindak balas terhadap situasi itu lalu membebaskan Barbastro. Pada zaman al-Musta'in b. al-Mu'tamin, beliau berjaya mengatasi keadaan tersebut dengan pertolongan orang Kristian. Orang Kristian berhasrat untuk membebaskan Saragossa, lalu meminta bantuan al-Murabitun. Al-Murabitun kemudiannya menghalau orang Kristian setelah membebaskan Saragossa. Al-Musta'in mati syahid dalam peristiwa tersebut (503H) dan Saragossa menjadi sebahagian daripada wilayah al-Murabitun.
8. *Banu Razin*. Berkuasa di Albarracin yang dinamakan Shantamariyyah Timur (401-496H/1011-1102M). Pengasasnya ialah Hudhayl b. 'Abd al-

Malik b. Razin, seorang daripada pembesar Barbar di Thaghr (m.436H). Selepas kematiannya, anaknya, Abu Marwan 'Abd al-Malik b. Hudhayl (m.496H), dilantik sebagai pengganti. Kemudian, al-Murabitun dapat menguasai Santamaria pada tahun 497H.

9. *Banu al-Qasim al-Fahrayyun*. Berkuasa di Alpuente (421-465H/1028-1102M). Pengasasnya ialah 'Abdu Allah b. al-Qasim al-Fahri (m.421H), kemudian diganti pula oleh anaknya pada tahun 421-434H. Mereka perlu membayar *jizyah* kepada orang Kristian sehingga kota mereka dibebaskan oleh al-Murabitun dan bergabung pada tahun 497H.
10. *Banu Sumadih*. Berkuasa di Almeria (433-484H/1041-1091M). Pengasasnya ialah Mu'in b. Sumadih al-Tujibi (m.443H). Pada tahun 484H, bandar ini telah menjadi sebahagian daripada wilayah al-Murabitun.
11. *al-Amiriyyun*. Antara pemimpin mereka ialah 'Abd al-'Aziz b. 'Abd al-Rahman b. al-Mansur b. Abi 'Amir (m.454H). Beliau memerintah Valencia, Almeria dan Murcia.
 - a. Pemerintahan di Valencia (412-452H/1021-1061M) digantikan oleh anaknya, 'Abd al-Malik yang dihalau oleh al-Ma'mun b. Dhi al-Nun, pemerintah Toledo.
 - b. Murcia (429-452H/1038-1061M) dikuasai oleh 'Abd al-Malik b. 'Abd al-'Aziz pada tahun 452H setelah bapanya meninggal dunia. Ketika al-Ma'mun menghalaunya dari Valencia, pemerintah Murcia, Abu Bakr Ahmad b. Ishaq b. Tahir telah membebaskan diri dari Valencia.

Slavs (al-Saqalibah)⁵

Mereka berasal daripada keturunan hamba. Perkataan *al-Saqalibah* digunakan secara meluas terhadap hamba yang dibeli dari pelbagai wilayah Eropah, termasuk utara Semenanjung Iberia yang beragama Kristian. Golongan yang dikategorikan sebagai golongan *al-Saqalibah* ialah:

1. Sabur al-Farisi dan dua orang anaknya, 'Abd al-Malik dan 'Abd al-'Aziz di Baytalius (?-413H/?-1022M). Pada tahun 413H, Banu al-Aftas telah menguasai mereka.
2. Mujahid al-'Amiri dan anaknya, 'Ali di Denia (400-468H/1099-1075M). Pada tahun 468H, mereka telah bergabung dengan pemerintah di Saragossa.
3. Khayran di Almeria dan Murcia (402-419H/1012-1038M) dan penggantinya ialah Zuhayr (419H).

4. Zuhayr di Almeria dan Murcia (419-429H/1028-1038M) dan pada tahun 429H, 'Abd al-'Aziz menjadi pemerintah Valencia.
5. Mubarak dan Muzaffar di Bankasiyah (407-412H/1016-1021M). Pada tahun 412H, Nabil Fitrah 'Abd al-'Aziz b. Abi 'Amir menguasai bandar ini.
6. Nabil di Turtuwashah (?-437H/?-1035M). Pada tahun 427H, Muqatil al-Saqlabi telah mengusirnya.

Kaum Barbar^b

Mereka merupakan golongan yang berhijrah ke Andalus, penghijrahan teramai golongan ini berlaku pada zaman al-Mansur b. Abi 'Amir. Banu Hamud telah bergabung tenaga dengan mereka kerana kestabilan pemerintahan mereka dalam tempoh yang lama. Banu al-Aftash juga turut bergabung dengan Barbar, khususnya mereka yang berketurunan Miknasah. Dua kabilah Barbar besar ialah Sanhajah dan Zinatah. Kerajaan Barbar terdiri daripada:

1. *Banu Hamud*. Memerintah Malaga dan Algeciras. Pemerintahan Banu Hamud Malaga (427-450H/1035-1057M) telah bergabung dengan pemerintahan di Granada pada tahun 450H. Begitu juga Algeciras (427-450H/1035-1075M) telah bergabung dengan pemerintahan Seville pada tahun yang sama.
2. *Banu Ziri*. Berkuasa di Granada (403-483H/1012-1090M). Mereka menyandarkan keturunan mereka kepada Zawi b. Ziri al-Sanhajah. Pengasas *imarah* ini ialah Habus b. Makisan, diteruskan oleh anaknya, Badis. Mereka menggunakan orang Yahudi dalam pentadbiran, contohnya seperti *wazir* Ibn al-Naghrih al-Yahudi. Rakyat turut memberontak pada zamannya dan memerangi orang Yahudi. Selepas kematian Badis, cucu Habus, 'Abd Allah b. Balqin mengetuai pemerintahan di Granada, Malaga dan Jaen. Pada tahun 484H, al-Murabitun berjaya menyingkirkan 'Abd Allah b. Balqin dan menjadikan kawasan tersebut sebagai daripada wilayah mereka.
3. *Banu Barzal*. Berkuasa di Carmona (404-459H/1013-1067M). Pengasasnya ialah Muhammad b. 'Abd Allah b. Barzal. Mereka berasal dari keturunan Zanatah. Pada tahun 459H, kuasa ini telah bergabung dengan Seville.
4. *Banu Yafra*. Berkuasa di Ronda (431-457H/1039-1065M). Pengasasnya ialah Hilal b. Abi Qurrah b. Dunas dari keturunan Zanatah. Pada tahun 457H, mereka telah bergabung dengan Seville.

5. *Banu Dammar*. Berkuasa di Moron (?-458H/?-1066M]. Pengasasnya ialah Nuh b. Abi Ziri, mereka berasal dari keturunan Zanatah. Pada tahun 458H, mereka telah bergabung dengan Seville.
6. *Banu Khazrun*. Berkuasa di Arcos dan Xeres (402-461H/1011-1068M). Pengasasnya ialah Muhammad b. Khazrun b. 'Abdun, dan juga berasal dari keturunan Zanatah. Pada tahun 461H, mereka telah bergabung dengan Seville.
7. *Muhammad b. Sa'id b. Harun*. Berkuasa di Shantamariyah Barat (Santamaria de Algarve) (417-444H/1026-1052M). Pada tahun 444H, mereka telah bergabung dengan Seville.
8. *Ibn Tayghur*. Berkuasa di Mertola (?-436H/?-1044M). Pada tahun 436H, mereka telah bergabung dengan Seville.
9. *Banu al-Aftas*. Berkuasa di Badajoz (413-487H-1022-1094M). Mereka menisbahkan keturunan mereka kepada Musallamah b. al-Aftas. Pada tahun 487H, kawasan pemerintahan mereka menjadi sebahagian daripada wilayah al-Murabitun. Antara pemerintah mereka yang masyhur ialah 'Abd Allah b. Muhammad b. Abi Musallamah yang dikenali sebagai Ibn al-Aftas, dengan gelaran *al-Mansur*. Beliau memerintah dari tahun 413-437H/1022-1045M. Pengganti beliau ialah anaknya, Muhammad b. 'Abd Allah yang memakai gelaran *al-Muzaffar* (437-460H). Selepas itu, digantikan dengan 'Umar b. Muhammad dengan gelaran *al-Mutawakkil* (461-487H/1067-1094M), beliau seorang yang cekap, berani dan mempunyai pandangan jauh serta berkebolehan. Beliau berperanan dalam membantu penduduk Toledo dan mengajak al-Murabitun menolong Andalus. Yusuf b. Tashifin telah menerima bantuan mereka dan Allah (s.w.t.) telah memberi kemenangan kepada orang Andalus melalui pertolongan mereka. Selepas itu, al-Murabitun mula mewarisi pemerintahan Islam di Andalus.
10. *Banu Dhu al-Nun*. Berkuasa di Toledo, kubu tengah Andalus bagi menghadapi kuasa Kristian (428-478H/1036-1085M). Pengasas pemerintahan ini ialah Isma'il b. 'Abd al-Rahman b. Dhi al-Nun bergelar *al-Zafir*. Beliau melantik anaknya, Yahya, bergelar *al-Ma'mun* (m.467H) dan melantik seorang lagi anaknya, al-Qadir, yang mendapat bantuan Alfonso VI, Raja Castile untuk melawan gabenor-gabenor lain. Namun sebaliknya, al-Qadir telah melantik Alfonso VI sebagai Gabenor Toledo (478H).

Imarat yang dibincangkan di atas merupakan *imarat* yang masyhur sahaja. Banyak lagi *imarat* kecil yang belum dibincangkan kerana pengaruhnya

terhadap politik sangat lemah dan mudah ditewaskan oleh *duwaylat* yang besar. Ketika Andalus di bawah pemerintahan al-Murabitun, tiada satu pun kerajaan yang kekal, kecuali Banu 'Abbad di Seville dan Banu Hud di Saragossa, Banu Razin di Albarracin, Banu al-Qasim, Banu Sumadih di Almeria, Banu Ziri di Granada dan Banu al-Aftas di Badajoz.⁷ Era ini berakhir dengan kemasukan Yusuf b. Tashfin ke Andalus dan menyatukannya di bawah pemerintahan al-Murabitun (483H/1090M). Zaman ini menyaksikan banyak pergolakan yang telah berlaku. Para musuh berpeluang menjajah wilayah ini, sedangkan para pemerintah sibuk berfoya, saling berkonspirasi sesama sendiri.

Keistimewaan Era Muluk al-Tawa'if

Perluasan Wilayah

Era ini berbeza dengan era lain kerana *duwaylat* saling berlumba untuk meluaskan kuasa masing-masing dengan pelbagai cara, tanpa memperdulikan dengan cara apa sekalipun agar hasrat mereka tercapai. Ini dilakukan, sama ada dengan tipu helah mahu pun terpaksa menggunakan pedang, walaupun cara tersebut tidak mendatangkan faedah kepada mereka. Apa yang dilalui al-Mu'tadid b. 'Abbad ketika berjaya menewaskan beberapa kuasa puak Barbar di selatan dan barat Andalus, peperangan dengan Banu Yahya, Banu al-Aftas, Banu Jahwar, Banu Ziri, cukup membuktikan pendekatan yang diguna pakai oleh kuasa Muluk al-Tawa'if dalam perluasan wilayah. Demikian juga, apa yang dilakukan oleh Ibn Sumadih ketika menawan Almeria dan mengusir Ibn Abi 'Amir, Gabenor Valencia dari kota tersebut.

Musuh Sebagai Faktor Menewaskan Sesama Umat Islam

Pemerintah Muluk al-Tawa'if saling berlumba untuk mendapatkan bantuan senjata dan tenaga dari kuasa Kristian untuk *survival* kerajaan mereka dan perluasan kuasa. Malah fitnah (adu-domba) seringkali dilemparkan terhadap pemerintahan Islam oleh pihak Kristian. Misalnya, Alfonso pernah memberi bantuan kepada pemerintah Islam tertentu semata-mata untuk menewaskan pihak musuh. Mereka juga membayar *jizyah* pemerintah Islam dengan harapan supaya mereka menjadi semakin lemah dan akhirnya seluruh wilayah menjadi milik mereka.⁸ Antara fitnah yang berlaku di Cordova ialah apabila al-Musta'in meminta bantuan orang Kristian untuk memerangi al-Mahdi. Ini dapat dilihat dalam dua pertempuran yang amat dahsyat, iaitu Quntish dan 'Uqbat al-Baqr.

Pemerintah Kristian mengambil manfaat atas kekalahan sesama sendiri di kalangan pemerintah Islam Muluk al-Tawa'if. Mereka juga menetapkan pelbagai syarat dan berjual beli tanah orang Islam sebagai balasan memberi pertolongan. Mereka berusaha untuk melemahkan Muluk al-Tawa'if dengan melemahkan keupayaan dan kekayaan mereka. Bahkan para pemerintah Muluk al-Tawa'if perlu membayar ufti kepada mereka sebagai jaminan untuk memperoleh bantuan dan perlindungan daripada pihak Kristian. Al-Marakushi menyifatkan situasi ini dengan mengatakan, "tiada seorang pun pemerintah Andalus yang tinggal melainkan kembali kepada Raja Castile. Mereka lebih hina di depan mata Raja Castile dan sedikit sahaja yang meraikan mereka".⁹

Kehilangan Kuasa Secara Mutlak

Pemerintah dalam negara Islam memperoleh peraturan sah melalui umat Islam kerana ia adalah pengganti bagi setiap urusan umat Islam sebagaimana yang dikatakan oleh al-Mawardi.¹⁰ Setelah kejatuhan *Khilafah* Umawiyah di Andalus, pemerintah Muluk al-Tawa'if telah hilang kekuasaan. Malah mereka sekadar pemerintah yang berkuasa secara paksaan, mengambil alih kuasa tanpa direstui umat Islam. Malah mereka memerintah dengan kezaliman dan ketidakadilan, di samping *wala'* mereka diberikan kepada pihak musuh.

Mereka meminta bantuan daripada musuh untuk melawan anak bangsa sendiri serta tidak memiliki sifat yang bersesuaian sebagai seorang pemerintah. Bahkan terdapat di kalangan mereka yang meuar-uarkan *bay'ah* mereka kepada Khalifah yang sah dari Banu Umaiyah, semata-mata mahu mendapat simpati umat Islam. Sebahagian mereka mendakwa telah mendapat kebenaran Hisham b. al-Hakam al-Mustansir yang masih dalam persembunyian, sedangkan baginda telah meninggal dunia ketika itu. Terdapat antara mereka yang datang bersama seorang lelaki yang menyerupai Hisham, lalu meminta *bay'ah* daripada lelaki tersebut, sedang ia enggan berbuat demikian. Dengan ini, tiada seorang pun daripada pemerintah Muluk al-Tawa'if yang dapat memberikan contoh terbaik kepada umat Islam sebagai pemimpin yang paling layak untuk memimpin. Umat Islam pula tidak terdorong untuk memberikan apa jua bentuk sokongan kepada mereka. Ini menyebabkan golongan cerdik pandai Andalus ketika itu meminta pemerintah al-Murabitun, Yusuf b. Tashfin memberi bantuan kepada mereka di Andalus bagi memerangi Muluk al-Tawa'if dan menyatukan kembali Andalus di bawah pemerintahan mereka.

Menganiaya Bangsa Andalus

Huru-hara, kucar-kacir dan hasad dengki banyak berlaku di kalangan penduduk Andalus hingga berlaku banyak pembunuhan. Keadaan ini menyebabkan penduduk setempat merasa takut untuk keluar ke masjid untuk menunaikan solat semata-mata takutkan orang Barbar. Bencana kebuluran pula menimpa penduduk Andalus di Cordova dan mereka terpaksa memakan bangkai serta mencuri di masjid. Kemuncak situasi yang menyedihkan ini ialah kejatuhan *Khilafah* dengan cara yang salah. Pemerintahan telah terbahagi kepada beberapa kumpulan yang bermusuhan antara satu sama lain. Pergolakan menjadi semakin kusut sehingga pemberontakan dalaman merentasi pergolakan kawasan antara *duwaylat*. Para penyair dan sasterawan merakamkan situasi sedih ini dalam karya-karya mereka, sama ada dalam bentuk puisi mahu pun prosa.¹¹

Dakwah Demi Kebangkitan Ummah

Ketika tentera Kristian menyelinap masuk ke bumi Andalus, mereka melakukan jenayah, mengoyak al-Qur'an, membakar masjid dan memperkosa wanita. Segala bencana ini telah meninggalkan titik hitam serta luka yang dalam di hati penduduk Andalus. Gerakan reformasi mula memperingatkan masyarakat tentang masalah yang berlaku, meniupkan ruh atau semangat penentangan terhadap musuh. Para *fuqaha'*, penyair dan ahli sejarah terkemuka turut menyumbang dalam gerakan ini seperti ibn Hazm al-Andalusi, Ibn 'Abd al-Barr, al-Hawzini dan Ibn Hayyan. Mereka berusaha untuk menyedarkan para *umara'* Andalus agar bertangjawab atas perselisihan mereka. Mereka juga memperingatkan umat Islam agar jangan bersikap mendiamkan diri, malah mereka menggalakkan para ulama dan *umara'* untuk memperbaiki keadaan Andalus secara kolektif.¹²

Sekumpulan ulama seperti Abu al-Walid al-Baji, Ibn 'Abd al-Bar dan Ibn Hazm membuat promosi dengan menemui gabenor-gabenor Muluk al-Tawa'if dan menasihati mereka untuk menyatukan para penyokong mereka. Seruan mereka ini diterima oleh Gabenor al-Mu'tamid b. 'Abbad dan al-Mutawakkil b. al-Aftas. Mereka yang memberi kerjasama untuk menyokong penyatuan ini telah meminta bantuan al-Murabitun untuk membantu Andalus. Yusuf b. Tashfin memasuki Andalus dengan memerangi golongan Kristian dalam pertempuran al-Zallaqah (479H).

Gerakan Keilmuan dan Perkembangan Tamadun Islam Era Muluk al-Tawa'if

Perkembangan tamadun Islam di Andalus tidak berkait dengan kemunduran dan kekacauan politik yang berlaku pada zaman itu. Buktinya dapat dilihat pada era Muluk al-Tawa'if, begitu ramai para ulama dalam pelbagai bidang keilmuan dan kesusasteraan telah muncul. Gerakan keilmuan ini merupakan hasil usaha berterusan di kalangan para ulama, walaupun mereka terpaksa berpindah-randah.¹³

1. *Perpindahan dan penghijrahan*. Perpecahan di kalangan para intelektual di sekitar Andalus, khususnya selepas *fitnah Qurtubiyyah* (zaman huru-hara di Cordova). Pergolakan ini mengakibatkan para ulama dan sasterawan sentiasa berhijrah ke serata bandar Andalus demi mencari tempat tinggal yang selamat. Walaupun penghijrahan ini melemahkan gerakan keilmuan, namun ia tidak pernah sama sekali memberhentikannya.
2. *Pelbagai pusat keilmuan*. Setelah Muluk al-Tawa'if didirikan, setiap bandar mula membina pusat keilmuan masing-masing dan setiap gabenor pula menerima para ulama dan penyair yang telah meninggalkan Cordova. Setiap gabenor juga berusaha memperbanyakkan bilangan ulama dan cendekiawan di sekitar mereka agar pemerintah mereka menikmati kecemerlangan dan kemasyhuran. Contohnya, Banu 'Abbad merupakan antara keturunan awal yang mengutuskan wakil kepada para ulama untuk meminta mereka menetap di wilayah mereka. Persaingan keilmuan (*tanafus thaqafi*) yang berlaku di ibu kota Muluk al-Tawa'if ini telah mengaktifkan gerakan ketamadun Islam di Andalus.
3. *Fenomena keluarga intelektual dan perkembangan perpustakaan*. Setiap keluarga dalam masyarakat Islam di Andalus mempunyai keistimewaan tersendiri, iaitu mereka memiliki pengkhususan dalam satu-satu bidang keilmuan yang diwarisi dari datuk moyang mereka. Sekiranya datuk mereka merupakan seorang alim dalam bidang agama atau dalam bidang kesusasteraan, ciri-ciri tersebut akan diwarisi oleh ahli keluarga tersendiri hingga ke anak cucu. Sebagai contoh, Cordova terkenal dengan keluarga Banu 'Abd al-Bar. 'Abd Allah b. 'Abd al-Bar dan anaknya, Yusuf b. 'Abd al-Bar terkenal sebagai orang yang alim dalam bidang *fiqh* dan Hadith. Manakala anaknya Yusuf terkenal sebagai sasterawan atau ensiklopedis, pakar Hadith dan *faqih*. Diikuti pula oleh anak perempuan Yusuf, iaitu Zaynab yang terkenal seperti bapanya. Selain itu, keluarga Banu Zuhr di

Secille terkenal dalam bidang perubatan. Di Shativa pula, dikenali dengan keluarga Banu Mafuz yang memiliki kemasyhuran dalam bidang keilmuan. Di Andalus, ramai golongan wanita yang terkenal dalam bidang *fiqh*, antaranya ialah Fatimah bt. Yahya al-Maghami (m.319H), Radiah *hamba* 'Abd al-Rahman al-Nasir (m.423H) dan Zaynab bt. Zuhr yang juga seorang doktor, serta Maryam bt. Ya'qub, seorang penyair wanita serta guru kepada kaum wanita khususnya. Pada zaman Andalus, para ulama, doktor dan sasterawan saling berlumba-lumba menghimpun kitab. Situasi ini merupakan satu galakan positif yang amat dititikberatkan oleh para pemerintah dan ulama ketika itu. Al-Mustansir mempunyai perpustakaan yang mengandungi 44 katalog dan setiap katalog tersusun sebanyak 20 muka surat. Naskhah ini kemudian diberi kepada pembantu mereka daripada kalangan ulama yang mempunyai bidang pengkhususan masing-masing untuk dijilidkan menjadi buku. Keadaan ini memperlihatkan kegiatan keilmuan berkembang pesat pada zaman pemerintahan Muluk al-Tawa'if.¹⁴

Fenomena Ketamadunan Lain Dalam Era Muluk al-Tawa'if

Persaingan yang berlaku di kalangan para pembesar dalam era Muluk al-Tawa'if bukan sahaja dalam bidang keilmuan, bahkan turut memajukan sistem ekonomi, perindustrian, pertanian dan pembangunan bandar. Perkembangan bidang pertanian dapat dilihat melalui penciptaan terusan serta pengairan dari jarak yang jauh. Ini membuktikan kehebatan dan perkembangan seni pertanian di Andalus. Di samping itu juga, muncul para ulama terkenal dalam bidang ilmu tumbuh-tumbuhan dan pertanian seperti Ibn Basal dengan kitabnya, *al-Fallahah*. Maysrakat Andalus juga kaya dengan ilmu lain seperti ilmu mengenai haiwan. Bumi Andalus kaya dengan sumber galian seperti emas, perak dan berlian. Sumber kekayaan yang wujud ini menyebabkan banyak penciptaan dilakukan seperti barang tembaga, barang tenun, tekstil dan permaidani. Begitu juga dengan perkembangan perindustrian daripada kulit-kulit binatang, minyak wangi dan barangan kaca yang turut diekspor ke luar Andalus. Mereka juga aktif dalam pembuatan senjata dan kapal. Pencapaian pembangunan di Andalus amat dititikberatkan oleh para pembesar dan orang awam. Peninggalan sejarah yang masih wujud, seperti masjid al-Zahra' yang dimulakan pembinaannya oleh 'Abd al-Rahman al-Nasir, telah disempurnakan oleh anaknya, al-Hakam al-Mustansir. Begitu juga dengan bandar al-Zahra' dan al-Zahirah serta istana

Banu 'Abbad yang menunjukkan keagungan seni bina Islam yang kekal hingga ke hari ini. Kesimpulannya, didapati walaupun era Muluk al-Tawa'if ini telah melalui pelbagai peristiwa, namun pembentukan akidah dan *thaqafah* serta pembinaan tamadun merupakan sesuatu yang asli di kalangan umatnya. Ini dapat dilihat melalui kesedaran masyarakat untuk menolak kezaliman, penyelewengan politik dan tuntutan pembaikan, di samping keengganan mereka patuh kepada musuh. Mereka mendokong gerakan keilmuan dan keintelektualan bagi menjaga kekuatan umat Islam. Hanya melalui jalan ini, setiap usaha penambahbaikan sesebuah tamadun dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Nota Hujung.

1. Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman, *al-Muqaddimah*, suntingan 'Ali 'Abd al-Wahid Wafi, Maktabat Nahdah, al-Qahirah, 1982, jil. 1, hlm. 546.
2. al-Marakushi, *al-Mu'jib fi Bayan al-Maghrib*, jil. 3, hlm. 151.
3. Ibn 'Idhari, *al-Bayan al-Maghrib*, suntingan Levi Provencal, jil. 3, hlm. 119, 125, 127, 134, 202; 'Inan, Muhammad 'Abd Allah, *Dawlat al-Islam fi al-Andalus al-'asr al-awwal*.
4. Ibn al-Khatib, Lisan al-Din, *A'mal al-'alam*, suntingan Levi Provencal, Bayrut, 1956, jil. 2, hlm. 147.
5. al-Bakri, 'Abd Allah b. 'Abd al-'Aziz, *Jughrafiyyat al-Andalus wa Urubba*, suntingan 'Abd al-Rahman al-Hajji, Mu'assasat al-Risalah, Bayrut, 1968, hlm. 154.
6. Ibn al-Khatib, *A'mal al-'alam*, jil. 2, hlm. 128.
7. Layth Su'ud Jasim, *Ibn 'Abd al-Barr wa juhuduhu fi al-tarikh*, Dar al-Wafa', Misr, 1986, hlm. 55-60.
8. Ibn al-Kardabus, *Tarikh al-Andalus*, hlm. 82.
9. al-Marakushi, *al-Mu'jib fi Bayan al-Maghrib*, hlm. 193.
10. Diya' al-Din al-Rays, *al-Nazariyyat al-siyasiyyat al-Islamiyyah*, hlm. 220, 314.
11. Ibn Bashkuwal, Abu al-Qasim Khalf, *al-Silah*, al-Hay'ah al-'Ammah li al-Kuttab, al-Qahirah, 1966, hlm. 140, 178, 163; Ibn 'Idhari, *al-Bayan al-Maghrib*, jil. 3, hlm. 81, 92, 104; Layth Su'ud Jasim, *Ibn 'Abd al-Barr wa juhuduhu fi al-tarikh*, hlm. 66.
12. Ibn Hazm, *Risalah al-talkhis fi wujuh al-takhlis, Kitab al-radd 'ala Ibn al-Naghritah al-Yahudi wa rasa'il ukhra*, suntingan Ihsan 'Abbas, Dar al-Ma'arif, al-Qahirah, hlm. 173-174; Ibn Bassam, *al-Dhakhirah fi mahasin ahl al-jazirah*, jil. 3, hlm. 180, 189; jil. 2, hlm. 81-94; Shakib Arsalan, *al-Hillah al-sayra*, jil. 2, hlm. 55, 98-101.
13. 'Abd al-Rahman al-Hajji, hlm. 410.
14. al-Maqqari, *Nafh al-Tib*, hlm. 438-440; 'Abd al-Rahman al-Hajji, hlm. 412-413; Mukhtar al-Qadi, *Athar al-madinah al-Islamiyyah fi al-hadarah al-gharbiyyah*, Majlis al-'A'la li al-Shu'un al-Islamiyyah, al-Qahirah, 1974, hlm. 97-99.

Pembaharuan Ibn Mada' al-Qurtubi Dalam Pemikiran Tatabahasa Arab

MD. NOR ABDULLAH

NAMA penuh beliau ialah Abu al-'Abbās Ahmad b. 'Abd al-Rahman b. Muhammad b. Mada' al-Lukhami berasal dari Cordova. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga elit dan berpendidikan, amat mencintai ilmu. Beliau tidak melepaskan peluang berguru dengan ulama sezamannya sehingga sanggup berpindah dari Cordova menuju ke Seville untuk mempelajari *al-Kitab* karya Sibawayh dengan Ibn Rammak ketika itu. Selain itu, beliau juga menimba ilmu Hadith dengan al-Qadi 'Iyad yang merupakan seorang tokoh Hadith terkemuka dan *faqih* termasyhur ketika itu. Ibn Mada' tidak berpuas hanya dengan ilmu bahasa dan ilmu agama, tetapi mahir dalam matematik, perubatan, kejuruteraan dan sastera. Beliau merupakan seorang sasterawan kreatif serta penulis yang idealis. Ibn Mada' dilahirkan pada tahun 513H dan meninggal dunia pada tahun 604H, ketika berusia 92 tahun. Latar belakang sosio-politik zaman Ibn Mada' mendorong beliau membuat perubahan dan pembaharuan yang ketara dalam pemikiran nahu (tatabahasa) Arab. Beliau cenderung untuk memihak kepada dakwah al-Muwahhidun di bawah pimpinan Yusuf b 'Abd al-Mu'min (558-580H) dan anaknya, Ya'qub (580-595H), yang menguasai kerajaan Andalus ketika itu. Ibn Mada' telah dilantik sebagai Ketua Qadi. Kecenderungan kepimpinan waktu itu terhadap aliran Zahiriyyah yang menentang anutan mazhab dan perbincangan *furu'* begitu ketara sekali dan Ibn Mada' menjadi orang kuat dalam gerakan tersebut (Judah 1984: 9).

Kitab al-Radd 'ala al-Nuhhat

Jika diteliti pada teks dalam buku beliau yang berjudul, *al-Radd 'ala al-Nuhhat* (Penolakan Terhadap Ahli Nahu), amat ketara penentangan kepimpinan Andalus ketika itu terhadap pemikiran al-Mashriq (Timur) selari dengan pepatah yang menyebut, 'Agama rakyat mengikut agama pemimpin'.

Istimewanya, walaupun Ibn Mada' merupakan *Qadi al-Qudat* (Ketua Kadi), tetapi beliau tidak menumpukan penolakan dan revolusi ke atas pemikiran fiqh Timur, tetapi lebih kepada pemikiran tatabahasa mereka. Seluruh usaha dan serangannya difokuskan ke atas pemikiran tatabahasa dengan mengarang tiga buah kitab, iaitu buku *Timur Dalam Pemikiran Nahu*, *Mensucikan al-Qur'an Daripada Apa Yang Bukan Selayaknya Dalam Unsur al-Bayan* dan *Penolakan Ke Atas Ahli Nahu*. Walau bagaimanapun, kedua kitab terawal di atas tidak sampai kepada kita. Oleh itu, penelitian terhadap serangan beliau ke atas pemikiran nahu adalah bersumberkan kitab terakhir. Wajar disebutkan bahawa Ibn Mada' begitu banyak membaca dan menyelami buku-buku nahu ketika itu dan serangan beliau bukan sahaja kepada pemikiran nahu aliran Basrah yang mendominasi zaman, tetapi menjurus juga kepada aliran Kufah kerana beliau tidak berminat untuk mentawfiqkan kedua aliran tersebut. Revolusinya lebih global, iaitu pemikiran nahu secara menyeluruh tanpa mengira aliran (Dayf 1988: 19-20).

Makalah ini akan menyenaraikan pemikiran nahu yang menjadi perbincangan dan menerima komentar 'pedas' daripada Ibn Mada'. Shawqi Dayf dalam suntingan pertama dan kedua buku *al-Radd 'ala al-Nuhat* menyebut dalam mukadimahya dengan panjang lebar bahawa sewaktu buku ini berada di pasaran, ia telah menimbulkan satu gegaran dalam dunia pemikiran tatabahasa Arab di Timur dan Barat. Ramai yang memberi komentar positif, malah tidak kurang yang negatif terhadap karya tokoh Andalus ini. Apa yang pasti, hasil pemikiran pakar Andalus ini menjadi titik mula ke arah pembersihan nahu Arab daripada 'sampah sarap' falsafah dan *qiyas* yang meloyakan pengkaji dan peminat tatabahasa Arab (Dayf 1988: 4-8). Dunia Timur dan Barat digegarkan dengan penerbitan buku ini dan kajian-kajian ke arah mempermudah pengajian tatabahasa Arab terus dijalankan sehingga ke hari ini. Pengarang tidak meletakkan tajuk untuk fasal-fasal perbincangan di dalam bukunya, manakala editornya (Shawqi Dayf) telah menjenamakan fasal-fasal tersebut. Penulis membawa idea revolusi Ibn Mada' mengikut jenama dan susunan yang diberikan oleh editor tersebut.

Isu Penghapusan Teori *al-'Amil*

Sejenak melepasi mukadimah bukunya, kita dihidangkan dengan ungkapan serangan ke atas teori *al-'amil* yang digarap oleh ahli nahu Timur. Ibn Mada' menyeru penghapusan teori *al-'amil* dalam pemikiran nahu Arab. Katanya,

"Tujuanku dalam kitab ini adalah untuk menghapuskan apa yang tidak perlu dalam nahu Arab, mengingatkan tentang apa yang telah diijma'kan tentang salahnya, antaranya ialah dakwaan mereka bahawa النصب (baris atas akhir kalimah), الحفص (baris bawah), الحزم (baris mati) ialah kerana faktor lafaz, manakala الرفع pula ialah kerana faktor lafaz dan faktor maknawi. Mereka membuat ayat yang *wahm* dalam contoh ini (ضرب زيد عمر) bahawa yang merafa'kan Zayd dan menasabkan 'Amran ialah kalimah ضرب. Ini merupakan kebatilan yang nyata, dan ia telah dinyatakan oleh Ibn Jinni dan selainnya. Ibn Jinni dalam *Khasa'isnya*, selepas membicarakan tentang 'awamil lafziyyah dan ma'nawiyah, mengatakan, "sebenarnya yang menjadi faktor rafa', nasab, jarr dan jazam adalah mutakallim itu sendiri semata-mata, bukan faktor lain" (Ibn Jinni l.th., 1:109-15). Ibn Mada' menolak faktor lafaz sebagai punca kepada perbezaan baris akhir kalimah dan menyarankan agar nahu dibersihkan daripada unsur yang tidak diperlukan. Nuhhat telah melampau dalam isu al-'amil dengan membina teori panjang lebar tentang al-'amil seperti syarat-syarat al-'amil, bentuk, jenis, bila dihadhafka dan bila disebutkan, bila al-'amil mendahului al-ma'mul dan mengakhirinya, al-'amil yang dikira asli dan mendatang serta lain-lain. Shawqi Dayf (1988: 24) memberi ulasan, katanya, "Mereka (nuhhat) telah melampau dalam perkara tersebut, tenggelam dalam permasalahan yang tidak diperlukan dan tiada kesudahannya".

Perkara menarik sewaktu mengemukakan teori kefasadan al-'amil, antaranya ialah ketika membincangkan al-'amil yang dihadhaf dan dinyatakan. Taqdirat dan mahfudhat al-'amil yang direka oleh nuhhat adalah haram kerana haram menambah lafaz dan makna kepada al-Qur'an. Penambahan lafaz membawa penambahan makna. Ini membawa kepada penambahan lafaz dan makna kepada ayat-ayat Allah (s.w.t.) sedangkan ia bersih dan suci daripada segala penambahan (Ibn Mada' 1988: 82). Isu lain seperti nasab (baris atas) fi'l mudari' dengan fa' dan waw serta takwilan kepada masdar mu'awwal. Contohnya, seperti ما تأتينا فحدثنا ditakdirkan masdar mu'awwal, lalu jadilah kalam seperti berikut, ما يكون منك إيمان فحديث. Tidakkah ini telah menyimpang jauh daripada kehendak mutakallim. Begitu juga fasadnya teori munada dengan mentakdirkan kalimah يا عبد الله ketika nasab munada mufrad mudaf seperti يا عبد الله dengan baris atas huruf dal. Ini semua hanya untuk menjustifikasi teori nasab munada mudaf mereka. Jika ditakdirkan kata kerja tersebut, ayat berubah daripada gaya insha'i menjadi khabari, sedangkan bukan itu yang dimahukan oleh penutur. Terdapat beberapa contoh lain yang dibawa oleh Ibn Mada' tentang kefasadan teori al-'amil, tetapi penulis tidak kemukakan di sini kerana

ingin menengahkan isu-isu lain yang lebih penting dan popular. Walau bagaimanapun, memandangkan teori *al-'amil* garapan para *nuhhah* yang menyebabkan beliau melakukan revolusi dan ingin menghapuskannya secara total dengan bukti-bukti yang nyata lagi bersuluh menurut pandangan beliau (al-Saradah 2003: 7).

Ibn Mada' juga menolak *ta'khirat* dalam *ustlub* *أزيدا ضررته* dengan mentakdirkan *al-'amil* yang menasabkan kalimah Zayd. Uslub ini juga ditolak *taqdirat*nya oleh beliau *زيد في الضرر* dengan mentakdirkan kalimah *مستقر* sebagai *khobar* kepada *mubtada'*. Uslub ini juga dinafikan *taqdirat damir* dalam kata kerja sebagai *fa'il*nya, *زيد قام*. Dalam uslub ini *الزيدون قاموا*, beliau menafikan *damir* (waw) pada *fi'l* adalah *fa'il*, tetapi ia adalah lambang jamak atau *mu'annath* seperti juga dalam *الزيدان قاما*. Bentuk sebegini terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadith, yang dinamakan oleh *nuhhah* sebagai *lughah akaluni al-baraghith* (Ibn Mada' 1988: 76-82).

Isu Penghapusan 'Ilal Kedua dan Ketiga

Bagi memahami isu ini, fatwa Ibn Mada' berikut perlu diteiliti, "Apa yang patut dihapuskan daripada silibus nahu ialah 'ilal kedua dan ketiga, contohnya seperti jika ada yang bertanya tentang Zayd dalam ayat *زيد قام*, kenapa dirafa'kan? Jawapannya ialah kerana ia *fa'il* (kata pembuat). Setiap *fa'il* itu *marfu'*. Jika ditanya lagi kenapa *fa'il* itu *marfu'*? Jawapannya ialah kerana itu adalah percakapan orang Arab dan telah tetap menerusi *istiqra'* (penelitian dan analisis) daripada kalam Arab yang mutawatir. Ini samalah seperti dalam *fiqh* bila mana telah nyata nas haram, persoalan kenapa diharamkan tidak menjadi kewajipan ke atas *faqih* menjawabnya kerana telah thabit menerusi nas dan sebabnya tidak perlu diselidiki dan dianalisis. Kalau dijawab persoalan di atas seperti untuk membezakan antara *fa'il* dan *maf'ul*, jika si penanya masih tidak berpuas hati dan bersoal kenapa tidak diterbalikkan fungsi *nasab* dan *rafa'* tadi (iaitu *nasab fa'il* dan *rafa' maf'ul*). Kita menjawab kerana *fa'il* sedikit dan tidak ada yang melakukan kata kerja melainkan seorang *fa'il* sahaja, manakala *maf'ul* pula banyak dan berat. Ini kerana *fa'il* hanya ada satu dan *maf'ul* pula ada banyak. Jika kita membawa 'ilah sebegini, nescaya kita telah membebankan kalam yang mudah dan mencelarukan kalam yang telah benar dan lurus. Pengetahuan kita tidak pernah bertambah jika kita mengetahui sebab *rafa' fa'il* dan kejahilan kita tentangnya juga, tidak sedikit pun memudaratkan kita kerana telah sah dan thabit daripada analisis kalam Arab yang mutawatir bahawa *fa'il* adalah

rafa' dan ilmu hanyalah setakat itu (Ibn Mada 1988: 130-1). Perhatikan betapa indah dan bermutunya teori menolak hujah tentang 'ilal kedua dan ketiga ini, dan ia sememangnya tidak diperlukan dalam pengajaran nahu. Ia lebih kepada pemikiran falsafah yang mengelirukan. Teori ini telah mendapat sokongan padu daripada kalangan pengkaji nahu moden di Timur dan Barat kini.

Walau bagaimanapun, Ibn Mada' tidak menolak secara total 'ilal kedua ini, bila mana ia bersetuju dua huruf mati (sukun) bertemu dan memerlukan huruf pertama ditahrik (dibariskan) seperti membariskan huruf *mim* dalam uslub *أَكْرَمُ الْفَرَمِ* (kata kerja suruh), kerana pertemuan dua huruf *sakin*, iaitu *mim* dan *alif lam al-ta'rif* ketika bacaan bersambung. Bila ditanya kenapa tidak dibiarkan mati, dijawab kerana tidak boleh menuturkan kalimah tersebut dengan dua huruf mati bersambungan. Ini adalah sebahagian daripada 'ilal kedua yang dipersetujuinya sama seperti membina *fi'l al-amr* daripada *fi'l mudari'* dengan membariskan huruf *hamzah* di awal kalimah seperti *يُحَرِّبُ* menjadi *أُحَرِّبُ*. Bila ditanya, mengapa tidak disakinkan *hamzah* di awalnya? Jawabnya ialah kerana tidak boleh menutur kalimah awal tanpa ada baris (Ibn Mada' 1988: 131-2).

Isu Penghapusan Qiyas Dalam Nahu

Seperti mana Ibn Mada' menyarankan penghapusan 'ilal kedua dan ketiga, *qiyas* juga menjadi objek kritiknya. Mazhab al-Zahiri pegangan beliau dan kerajaan Andalus waktu itu merupakan faktor kuat terhadap usaha ini. Pelupusan *qiyas* dalam hukum agama diterapkan dalam kaedah nahu dan pendidikan. Seperti yang dimaklumi, ilmu *qiyas* tumbuh daripada kajian terhadap agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) dan terdiri daripada asal, cabang, 'illah dan hukum (al-Afghani 1987: 100-8). Ibn Mada' menolak teori *qiyas* dalam nahu seperti menolak teori *r'rab* (lawan *mabni*) *fi'l mudari'*. *Nuhbah* silam menyatakan sebab *r'rab mudari'* ialah kerana menyamai kata nama atau dalam bahasa mudalnya *qiyas* kepada *ism*. Kata mereka, *ism* ialah asal dan *fi'l mudari'* ialah cabangnya; kerana *r'rab fi'l mudari'* ada dua sebab, manakala *r'rab ism* ada satu alasan sahaja. Satu adalah asal bagi dua. Anologi *qiyas fi'l mudari'* dengan *ism* ialah kerana *ism* amat luas maksudnya. Kalimah *رَجُلٍ* menjadi *الرَّجُلِ* bila dikhususkan. Ini sama seperti *fi'l mudari'* (يَذْهَبُ) kerana ia memberi maksud daripada aspek masanya ialah sekarang dan akan datang. Bila disebut *سَوْفَ يَذْهَبُ*, ia mengkhususkan kepada masa akan datang semata-mata. 'Illah kedua ialah kerana *lam al-mudari'* menyertai *fi'l mudari'* sebagaimana ia masuk kepada kata nama. Contohnya *أَنْزِلْنَا لِيَقُومَ* dan

إِنْ رَبَّنَا لَقَائِمٌ. Dengan dua sebab tersebut, diqiyaskan *fi'l mudari'* dengan *ism*. Ibn Mada' menyatakan kedua-duanya adalah asal dan berdiri sendiri tanpa ada asal dan cabang. Sekiranya *ism* berfungsi dengan begitu meluas, *fi'l mudari'* juga sama seperti *ism* mempunyai unsur dan fungsi sendiri. Menurut Ibn Mada' ungkapan yang paling baik dalam isu ini ialah *fi'l mudari'* menjadi *mu'rab* bila tidak bersambung dengan *nun al-niswah* dan *nun al-inath* tanpa kita mencari dan membina teori *qiyas* yang menyusahkan dan ternyata batil lagi keliru. Satu persoalan yang beliau timbulkan ialah jika mengqiyaskan *fi'l mudari'* dengan *ism*, kenapa kita tidak memajrurkannya (baris bawah) sebagaimana majrurnya *ism* (Ibn Mada' 1988: 134-6).

Isu lain dalam *qiyas* ialah menolak teori *nuhhah* yang menyamakan *ism mamnu' min al-sarf* dengan *fi'l mudari'*, iaitu tidak bertanwin (baris dua) dan *majrur* dengan *fath* (baris atas). Alasan mereka kerana *ism* ini berat dan jarang digunakan, lalu diqiyaskan dengan *fi'l* yang berat dan sedikit bilangannya. Bila mana *fi'l* tiada *tanwin* dan *jar*, *ism mamnu' min al-sarf* juga mengikuti *fi'l*. Penyakit *qiyas* dalam nahu ini begitu kronik sehingga al-Sirafi sewaktu mengulas *al-Kitab* karya Sibawayh, telah menulis dengan panjang lebar berkenaan *qiyas* ini dan ia mengelirukan skop silibus dan teori nahu yang sudah sedia 'keliru' bagi kebanyakan pelajar dan peminat bahasa al-Qur'an. Antaranya, al-Sirafi bermain dengan teori *qiyas* dan 'ilal sewaktu mencari alasan mengapa *nasab jam' mudhakkar salim* dengan *ya'*, bukan dengan *waw*. Hasilnya, beliau membina empat sebab dan banyak lagi teori dan falsafah yang tidak diperlukan dalam nahu bahasa al-Qur'an dan al-Hadith ini (Dayf 1988: 41-2).

Isu Penghapusan *Tamrin* Tidak Praktikal

Selain menyeru ke arah penghapusan unsur-unsur di atas, Ibn Mada' mengajak untuk menilai kembali *tamrin* (latihan) yang telah dikemukakan oleh *nuhhah* klasik yang menyalahi peraturan percakapan Arab. Antara contoh yang dikemukakan ialah latihan atau pembinaan kalimah Arab seperti kata mereka, *إِنْ مِنْ كَذَا مَثَلٌ كَذَا*. Contohnya, membina kalimah *البيع* atas *wazn* (بوع). Pembentukan perkataan ini menurut *nuhhah* silam adalah sah berhujahkan bila mana huruf *ya'* mati dan sebelumnya adalah baris depan. Lantas, menurutnya menjadi berat, lalu ditukar huruf *ya'* menjadi *waw*. Ini diqiyaskan dengan perkataan *مَوْفٍ مَوْسِرٍ* kerana asalnya adalah *مَيْسِرٍ مَيْسِرٍ*. Sahih juga dikata *بع* dengan alasan *ya'* mati apabila didahului dengan baris hadapan, ditukar

dammah dengan *kasrah* seperti mana perlakuan Arab menukar *بيض عين غيد* kata jamak kepada *بيضاء عيناء غيداء*.

Ibn Mada' menolak teori *tamrin* tidak praktikal tersebut dengan hujah bahawa penggunaan biasa orang Arab adalah sebaliknya. Kebiasaan penggunaan Arab adalah yang kedua mengikuti yang pertama, bukan sebaliknya. Lihat penggunaan ungkapan Arab ini *ميران ميعاد* yang asalnya adalah *موعد موران*, iaitu huruf *waw* ditukar kepada *ya'* kerana mengikuti baris awal, bukan dengan menukar *kasrah* menjadi *dammah* atau *fath*. Sama seperti perkataan-perkataan ini *صيام اغزيا قيل سي* yang huruf keduanya ialah *waw* dan ditukar menjadi *ya'*, kerana mengikuti baris huruf yang pertama. Manakala perubahan baris *dammah* menjadi *kasrah* adalah selari dengan percakapan Arab.

Begitulah penolakan Ibn Mada' terhadap latihan tidak praktikal yang dimuatkan oleh ahli tatabahasa silam dengan begitu banyak sekali dalam kitab-kitab nahu mereka, sedangkan ia hanya mencerna permasalahan yang lebih kronik dalam pembelajaran dan pendidikan nahu. Kata Ibn Mada' (1988: 140), "Manusia itu sudah pun lemah untuk menghafal bahasa Arab fasih, bagaimana pula dengan bebanan berat sebegini yang langsung mereka tidak perlukan". Apa ertinya kita membina *tamrin* seperti kalimat *بوع بوع* , sedangkan ia tidak pernah ditutur dan diaplikasikan dalam pengajian nahu Arab.

Ilmu Tatabahasa Arab Perlu Penyusunan Semula

Realitinya kita dibebani dengan pelbagai teori, isu dan permasalahan nahu yang tidak diperlukan. Revolusi Ibn Mada' telah membuka jalan kepada pengkaji lain, dahulu dan kini, sama ada di Timur mahu pun di Barat, untuk menilai semula silibus nahu Arab, agar ia lebih sistematik dan mudah dihayati. Permasalahan ini bukan sahaja dirasai oleh Ibn Mada', tetapi al-Jahiz (1997, 1:58) pernah mengemukakannya dalam *al-Hayawan* ketika berkata kepada al-Akhfash, cuma dalam nada yang berlainan, "Aku berkata kepada Abu al-Hasan al-Akhfash, kamu ialah seorang yang paling pakar dalam nahu Arab. Mengapa kamu tidak menjadikan kitab kamu agar ia boleh difahami secara keseluruhannya" Apalah nasib kita hanya memahami sebahagian kecil permasalahan dan tidak memahami sebahagian besar. Apa ruginya kamu mencipta sesuatu sebagai ganti dan menyemarakkan fahaman. Jawabnya: Aku adalah lelaki yang bukan mengarang kitab kerana Allah dan kitabku bukan kitab agama, sekiranya aku mengarang sebuah kitab seperti yang kamu cadangkan,

pasti permintaan manusia ke atas aku akan berkurangan, tetapi aku ingin mencari sebuah keuntungan dan keuntungan itulah menjadi tujuanku”.

Al-Jahiz bukan mengkritik teori *al-'amil* tetapi menjurus kepada rasa kecewanya dengan cara dan sikap para *nuhhah* dalam menghuraikan persoalan tatabahasa dalam kitab-kitab mereka, dan antara yang paling bercelaru ialah al-Akhfash. Beliau membina kaedah nahu secara membeban, tenat dan sukar. Permasalahan ini berterusan hingga muncul Ibn Mada' al-Qurtubi dengan fahaman al-Zahiri dalam masalah *fiqh*, dan diaplikasikan dalam isu-isu nahu, merintis jalan mempermudah dan menilai semula perbincangan nahu yang bercelaru dan membebankan. Ibn Mada' telah meneliti, mengkaji dan menghayati persoalan nahu hingga beliau menemui kunci untuk memecah kebuntuan silibus nahu dengan menghancurkan teori *al-'amil* sebagai asas dan diikuti isu-isu lain seperti yang telah diutarakan sebelum ini. Sewajarnya silibus nahu mengikut apa yang telah dipertuturkan oleh penuturnya.

Alangkah benarnya jika kita menyahut suara pembaharuan daripada bumi Andalus ini untuk membina dan menyusun semula silibus nahu bahasa Arab agar ia lebih dekat dan mudah fahami. Shawqi Dayf (1988: 44) menyebut, “Kalau kita meneliti kitab-kitab besar dalam subjek nahu seperti *Sharh al-Siraft 'ala Kitab Sibawayh* atau *Sharh Abi Huyyan 'ala al-Tashil*, dapat dirasakan bahawa *nuhhah* telah merosakkan nahu dengan muatan tidak berharga dan teori murahan yang mereka cipta seperti *usul* dan *furu'*, *ilal*, *qiyas* dan *tamrin* yang tidak akademik”. Kita telah dibebankan dengan pelbagai teori nahu yang sukar semenjak zaman al-Khalil b. Ahmad lagi, kemudian perbalahan serius yang tidak menguntungkan antara *madrrasah* Basrah, Kufah, Baghdad, Andalus walaupun pada awalnya ia agak harmonis dan bertujuan memenangkan bahasa Arab itu sendiri (Maghalasah 2002: 150). Usaha Ibn Mada' ini tidak wajar sama sekali dianggap sebagai gerakan untuk meruntuhkan teori dan amalan nahu Arab, tetapi ia merupakan perintis kepada usaha untuk mempermudah dan menyusun semula silibus ilmu tatabahasa Arab agar lebih sistematik, mudah untuk dihayati dan seterusnya diamalkan.

Realitinya, usaha mempermudah dan menyusun semula silibus nahu Arab ini telah berlaku hingga kini. Terdapat usaha yang bersifat meruntuhkan seperti membuang segala bentuk *'Arab* dan teori *nuhhah* silam dengan memperdagangkan bahasa Arab dengan dagangan murahan dan nahunya mengikut kehendak si penutur itu sendiri, sama ada ia mahir atau sebaliknya, dalam bahasa tersebut. Selain itu mereka menyeru ke arah menjadikan semua kalimah Arab menjadi *mabni* dan baris akhirnya mengikut kehendak penutur,

menjadikan semua *damir* jamak lelaki dan perempuan adalah setara seperti bahasa asing, menghapuskan bab *mamnu' min al-sarf*, merafa'kan *khobar* dan *ism* dalam apa jua keadaan, *mentaskin* semua huruf akhir kalimah, sama ada kedapatan *al-'amil* atau tidak di hadapannya, sebagaimana sebahagian besar bahasa Eropah dan Turki, membuang secara total bentuk *i'rab* (al-Shammari 2003: 13).

Seruan yang membina pula boleh dilihat dalam karya-karya seperti Sati' al-Husari (1939), Taha al-Rawi (1944-1945) dan 'Abbas Hassan. Dakwah menyeluruh dalam usaha mempermudah nahu pula dapat dikesan dalam karya Ibrahim Mustafa (1938) dengan bukunya, *Ihya' al-Nahw* (1937), terbitan Kementerian Pendidikan Mesir, yang dianggotai Taha Husayn, Ahmad Amin, Ibrahim Mustafa, 'Abd al-Muta'al al-Sa'idi, Mahmud Husni Maghalasah, Profesor Bahasa Arab di Universiti Jordan pernah memberi komentar dengan katanya, "Usaha yang dibuat oleh Ibrahim Mustafa amat penting dan wajar diberikan perhatian serius dalam menyusun semula silibus nahu Arab ini" (al-Shammari 2003: 15-8). Butiran dan saranan kumpulan ini akan dikemukakan dalam makalah lain, dan gaya susunan mereka lebih menjurus ke arah mempermudah nahu Arab kepada penutur bahasa itu sendiri. Satu penyelidikan perlu dilaksanakan untuk menyediakan sebuah panduim dan modul nahu Arab kepada bukan penutur, agar mereka dapat menguasainya dengan lebih berkesan.

Rujukan

- al-Afghani, Sa'd. 1987. *Fi usul al-nahw*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath 'Uthman. t.th. *al-Khasa'is*. Suntingan Muhammad 'Ali Najjar. Lubnan: Dar al-Huda li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Ibn Mada' al-Qurtubi. 1988. *al-Radd 'ala al-nahhat*. Suntingan Shawqi Dayf. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- 'Imad al-Din. 2003. Harakat taysir al-nahw al-'Arabi. Kertas kerja Program Ijazah Doktor Falsafah. University of Jordan, 'Amman.
- al-Jahiz, Abu 'Amr b. Bahr. 1997. *al-Hayawan*. Suntingan Yahya al-Shami. Bayrut: Dar al-Maktabah al-Hilal.
- Judah, Surayya 'Abd al-Mun'im. 1984. *al-Adab al-Andalusi*. al-Qahirah: Matba'at al-Azhar.
- Maghalasah, Mahmud Husni. 2003. *Abhath fi al-lughah wa al-nahw wa al-qira'at*. Amman: i.pt.
- al-Saradah, Fatimah. 2003. Ibn Mada' wa nazariyyatuhu al-nahwiyyah. Kertas kerja Program Ijazah Doktor Falsafah. University Of Jordan, 'Amman.

*Setinggi-tinggi
Penghargaan:*

Jabatan Hal Ehtwal Khas (JASA)
Kementerian Penerangan Malaysia

World Islamic Call Society
Kuala Lumpur

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Jabatan Hal-ehwal Pelajar
Universiti Kebangsaan Malaysia

Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Persatuan Bekas Mahasiswa Islam
Timur Tengah (PBMITT)



JABATAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ISBN 978-983-9368-28-4



9 789839 368284